

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang ditubuhkan pada 27 Januari 2012 adalah sebuah konsortium institut-institut bioteknologi kebangsaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) beroperasi sebagai syarikat berhad dengan jaminan untuk menerajui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan bioteknologi moden didorong industri masa kini dan masa hadapan bagi pembangunan ekonomi negara. Konsortium ini terdiri daripada tiga institut iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal dan Nutrasetikal Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor. NIBM mempelawa individu yang berkelayakan, berpengalaman, dinamik dan bersedia untuk bekerja kuat menyertai organisasi kami bagi jawatan seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Kelayakan
1.	Jurutera Awam	<p>Mempunyai kemahiran untuk melaksanakan tugas-tugas berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memantau dan membuat penilaian teknikal bagi kerja-kerja sivil, mekanikal atau elektrik yang berkaitan dengan pengurusan bangunan tiga Institut sedia ada di Serdang, Bangi dan Pulau Pinang; dan 2. Memantau kerja pihak institut bagi memastikan ianya mematuhi kehendak syarikat dan pihak terlibat termasuk kajian reka bentuk, spesifikasi, pelan dan jadual kerja. <p>Kelayakan dan pengalaman:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam atau yang setara dengannya; 2. Memiliki sekurang-kurangnya 5 hingga 10 tahun pengalaman dalam bidang berkenaan; 3. Berumur tidak melebihi 35 tahun; 4. Berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia dan Institut Jurutera Malaysia; dan 5. Berpengetahuan dalam kerja-kerja sivil/ mekanikal/ elektrik untuk pengurusan bangunan.

Calon-calon yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi, salinan sijil-sijil berkaitan yang telah disahkan serta sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) kepada:

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,
 NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**
 Pejabat Korporat, Aras 2,
 Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),
 d/a Ibupejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.
 Tel : 03-8949 5648
 Emel : recruitment@nibm.my

Hanya calon-calon yang disenaraipendek sahaja akan dihubungi.
 Tarikh tutup permohonan: **19 MAC 2016**